



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN PELAKSANAAN  
MATA PELAJARAN SENI REKA TANDA DALAM PROGRAM  
MATA PELAJARAN VOKASIONAL DI SEKOLAH  
MENENGAH AKADEMIK**

**ROSNAH BT. MUSTAFFA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2004**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18. 03. 2004

ROSTAH BT. MUSTAFFA

2000-00114





## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan kurniaan dan izinNya penyelidik berjaya menyelesaikan penulisan disertasi ini.

Penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Penyelia Utama iaitu En.Abdul Halim bin Husain dan Penyelia Bersama Prof. Madya Tn. Hj. Iberahim bin Hassan di atas kesediaan dan kesungguhan memberi dorongan, bimbingan, nasihat dan teguran sehingga penyelidik dapat menyempurnakan penulisan disertasi ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada En. Ashim Yahya dan Cik Norazian Hj. Mohd. Kamel dari Pusat Perkembangan Kurikulum yang banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama ketika penyelidik memerlukan juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang membiayai pengajian ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pengetua, guru-guru dan murid-murid sekolah yang terlibat yang telah memberikan kerjasama sewaktu penyelidik menjalankan kajian.

Terima kasih juga kepada teman-teman seperjuangan terutama Milah, Yat dan Yati yang telah banyak memberikan dorongan, pandangan dan bantuan.

Penghargaan dan terima kasih juga dituju khas buat suami tercinta Mohd Zaid Yusof yang telah banyak berkorban demi kejayaan penyelidik, mak, ayah, anak-anak tersayang, adik-adik dan juga tidak ketinggalan cahaya mata yang bakal dilahirkan yang sentiasa bersabar dan sentiasa mendoakan kejayaan kepada penyelidik.



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas pelajar terhadap kelebihan dan kelemahan Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) khususnya mata pelajaran Seni Reka Tanda (SRT) dari perspektif pelajar. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis-jenis kemahiran yang dipelajari dan dikuasai serta faedah yang diperolehi dari mata pelajaran SRT. Kajian ini juga cuba mendapatkan pandangan pelajar tentang masalah yang dihadapi semasa menjalani proses pembelajaran mata pelajaran SRT.

Kajian ini adalah satu kajian deskriptif dan maklumat diperolehi dengan menggunakan kaedah temubual berstruktur. Sampel kajian terdiri daripada 20 orang pelajar tingkatan 5 dari empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan yang melaksanakan program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Seni Reka Tanda. Temubual dengan pelajar telah dirakamkan dan didengar semula. Hasil temubual telah ditranskripsikan dan dianalisis secara kualitatif mengikut tema berdasarkan soalan kajian.

Dapatan kajian menunjukkan kesemua pelajar yang terlibat telah mempelajari dan dapat menguasai kemahiran-kemahiran khusus berkaitan dengan pembelajaran mata pelajaran Seni Reka Tanda dan mereka juga menyedari hala tuju kerjaya yang ingin mereka ceburi setelah tamat persekolahan nanti.

## **Students' Evaluation Towards the Effectiveness of the Seni Reka Tanda Subject in Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Programme at Academic Secondary School**

### **ABSTRACT**

This study was conducted to get students' feedback on the strength and the weaknesses of the Seni Reka Tanda (SRT) subject in Mata Pelajaran Vokasional Programme particularly focussed on students perspective. The main objectives were to find out essential skills acquired by students and the benefits gained through SRT subject, as well as problems faced by them during teaching and learning SRT subject.

A structured interview was carried out. Samples for the study consisted of 20 form five students from four different schools which running MPV programme (SRT). Interviews with each respondent was recorded and transcribed. Data obtained were analysed using themes/thematic approach which was organised based on the research questions.

The major findings of the study showed that as a result of learning Seni Reka Tanda subject all students acquired useful skills related to the jobs done. They also said that they gained knowledge from learning Seni Reka Tanda subject and they were also aware of career fields they want to be involve in after leaving school.

## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

|                    |            |
|--------------------|------------|
| <b>PENGAKUAN</b>   | <b>ii</b>  |
| <b>PENGHARGAAN</b> | <b>iii</b> |
| <b>ABSTRAK</b>     | <b>iv</b>  |
| <b>ABSTRACT</b>    | <b>v</b>   |
| <b>KANDUNGAN</b>   | <b>vi</b>  |

### BAB 1      PENGENALAN

|     |                    |    |
|-----|--------------------|----|
| 1.0 | Latar Belakang     | 1  |
| 1.1 | Pernyataan Masalah | 6  |
| 1.2 | Tujuan kajian      | 7  |
| 1.3 | Soalan Kajian      | 8  |
| 1.4 | Rasional Kajian    | 8  |
| 1.5 | Signifikan Kajian  | 9  |
| 1.6 | Batasan Kajian     | 10 |
| 1.7 | Difinisi Istilah   | 11 |

### BAB 2      TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

|     |                                                                     |    |
|-----|---------------------------------------------------------------------|----|
| 2.0 | Pengenalan                                                          | 14 |
| 2.1 | Konsep Sekolah Ke Kerjaya di Amerika Syarikat dan Negeri China      | 15 |
| 2.2 | Konsep Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Akademik | 20 |

|       |                                                                                         |    |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.3   | Seni Reka Tanda (SRT) Sebagai Mata Pelajaran<br>Vokasional di Sekolah Menengah Akademik | 24 |
| 2.3.1 | Matlamat Mata Pelajaran SRT                                                             | 24 |
| 2.3.2 | Objektif Mata Pelajaran SRT                                                             | 25 |
| 2.3.3 | Pendekatan dan Penekanan Dalam Mata Pelajaran SRT                                       | 26 |
| 2.4   | Konsep Pembelajaran Seni Reka Tanda Dalam Program MPV                                   | 27 |
| 2.5   | Tinjauan Kajian Berkaitan di Luar Negara                                                | 33 |

### **BAB 3           METODOLOGI KAJIAN**

|     |                   |    |
|-----|-------------------|----|
| 3.1 | Rekabentuk Kajian | 37 |
| 3.2 | Sampel Kajian     | 37 |
| 3.3 | Instrumen Kajian  | 38 |
| 3.4 | Prosedur Kajian   | 39 |
| 3.5 | Analisis Data     | 40 |

### **BAB 4           ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

|     |                                          |    |
|-----|------------------------------------------|----|
| 4.0 | Pengenalan                               | 42 |
| 4.1 | Jenis-Jenis Kemahiran Yang Dikuasai      | 43 |
| 4.2 | Faedah Dari Pembelajaran Seni Reka Tanda | 58 |
| 4.3 | Masalah Pelajar                          | 75 |

### **BAB 5           RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

|     |                          |    |
|-----|--------------------------|----|
| 5.0 | Pengenalan               | 81 |
| 5.1 | Rumusan Data Kajian      | 82 |
| 5.2 | Implikasi Dan Cadangan   | 85 |
| 5.3 | Cadangan Kajian Lanjutan | 87 |

|                    |           |
|--------------------|-----------|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | <b>89</b> |
|--------------------|-----------|

|                       |           |
|-----------------------|-----------|
| <b>SENARAI JADUAL</b> | <b>ix</b> |
|-----------------------|-----------|

|                      |          |
|----------------------|----------|
| <b>SENARAI RAJAH</b> | <b>x</b> |
|----------------------|----------|

|                          |           |
|--------------------------|-----------|
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | <b>xi</b> |
|--------------------------|-----------|

## **LAMPIRAN**

LAMPIRAN A : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan  
Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

LAMPIRAN B : Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri  
Perak

LAMPIRAN C : Borang Temubual Pelajar

LAMPIRAN D : Transkripsi Temubual Berstruktur

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

LAMPIRAN E : Senarai Sekolah Yang Melaksanakan MPV  
Seni Reka Tanda

SENARAI JADUAL

| Jadual                                                                                                               | Muka surat |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 4.1 Rumusan Analisis Jenis-Jenis Kemahiran Yang Dikuasai                                                             | 51         |
| 4.2 Rumusan Analisis Jenis-Jenis Kemahiran Yang Dikuasai Berdasarkan Jadual 4.1                                      | 57         |
| 4.3 Rumusan Analisis Faedah Yang Diperoleh Dari Pembelajaran Seni Reka Tanda                                         | 66         |
| 4.4 Rumusan Analisis Faedah Yang Diperolehi Dari Pembelajaran Mata Pelajaran Seni Reka Tanda Berdasarkan Jadual 4.3  | 72         |
| 4.5 Rumusan Masalah Pelajar Dalam Proses Pembelajaran Mata Pelajaran Seni Reka Tanda                                 | 78         |
| 4.6 Rumusan Analisis Masalah Pelajar Dalam Proses Pembelajaran Mata Pelajaran Seni Reka Tanda Berdasarkan Jadual 4.5 | 80         |

SENARAI RAJAH

| Rajah                                | Muka Surat |
|--------------------------------------|------------|
| 2.1    Rangka Konsep Seni Reka Tanda | 28         |

## SENARAI SINGKATAN

1. CAS - COMPUTER AIDED SIGNAGE
2. JPN - JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
3. KPM - KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
4. MPV - MATA PELAJARAN VOKASIONAL
5. NCRVE - NATIONAL CENTER FOR RESEARCH IN  
VOKASIONAL EDUCATION
6. NSLIC - NATIONAL SCHOOL-TO-WORK LEARNING  
AND INFORMATION
7. OHP - OVERHEAD PROJECTOR
8. PMR - PENILAIAN MENENGAH RENDAH
9. PPK - PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
10. SKK - SEKOLAH KE KERJAYA
11. SRT - SENI REKA TANDA



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.0 Latar Belakang

Rakyat adalah sumber tenaga utama dan aset bernilai tinggi yang menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Apabila ekonomi sesebuah negara berkembang dan membangun, permintaan terhadap tenaga kerja profesional dan mahir akan bertambah. Selain tenaga kerja profesional dan tenaga kerja peringkat tinggi, tenaga kerja di peringkat pertengahan dan separa mahir juga diperlukan bagi pembangunan ekonomi. Pada tahun 1990an, pembangunan sumber manusia diberi penekanan kerana pencapaian matlamat sosio-ekonomi bergantung kepada terdapatnya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan boleh dilatih. Dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-



1995), pembangunan tenaga manusia merupakan teras utama matlamat pendidikan dan latihan. Justeru pendidikan berperanan seperti berikut:

*“Pendidikan dan latihan akan terus dimaju dan ditingkatkan bukan sahaja untuk melengkapkan industri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai, tetapi juga untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab serta mempunyai moral dan nilai-nilai etika yang kukuh. Di samping itu, program berkenaan akan membantu membentuk tenaga kerja yang mempunyai kebolehan teknik yang akan meningkatkan daya saing ekonomi.”*

*(Rancangan Malaysia  
Keenam, 1991-1995: 173)*

Mahathir Mohamad (1991: 20), Perdana Menteri Malaysia menyatakan “... Dalam usaha kita mengorak langkah ke hari muka dengan penuh bertenaga, tidaklah ada unsur yang lebih penting daripada pembangunan sumber tenaga manusia.”

“Pembangunan sumber manusia adalah memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti dan membekalkan kemahiran ikhtisas, pengurusan dan teknik yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam proses peralihan ke arah menjadi sebuah Negara Perindustrian” (Kerajaan Malaysia, 1991, m.s. 7).

Dalam pembangunan sumber tenaga manusia semua penduduk perlu diambilkira tanpa mengabaikan separuh daripada mereka. Tidak ada negara bangsa yang dapat mencapai kemajuan dengan hanya memanfaatkan separuh daripada sumber tenaga manusianya. Jika terdapat golongan yang tercicir, kemungkinan-kemungkinan yang ada pada mereka tidak diperkembangkan.

Dalam konteks pembangunan sumber tenaga manusia sistem pendidikan memainkan peranan penting dan dikenal pasti sebagai jentera untuk membangunkan potensi individu sebagai tenaga kerja yang terlatih dalam pelbagai ilmu pengetahuan dan



kemahiran serta mampu untuk menggerak dan menyuburkan pertumbuhan ekonomi negara yang berdaya saing.

Pembangunan tenaga manusia dan tenaga rakyat menjelang abad ke 21 tidak terhad kepada penyediaan dan pembekalan tenaga pekerja yang berketrampilan dalam sektor-sektor perindustrian dan perdagangan sahaja. Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia telah menghuraikan bentuk corak dan tumpuan yang perlu dilakukan.

*"Kita mestilah mempunyai hasrat untuk mencapai taraf yang setinggi-tingginya dari segi ketrampilan pada rakyat kita, dari segi penghargaan mereka akan kemahiran dan pengetahuan serta kemajuan diri, dari segi kemampuan diri, dari segi kemampuan berbahasa, dari segi sikap mereka terhadap kerja dan disiplin, dari segi motivasi mereka terhadap kecemerlangan dan terhadap mendorong semangat keusahawanan."*



**(Malaysia Melangkah  
Ke Hadapan, 1991 : 21)**

*" Kita mestilah memastikan bahawa terdapat satu adunan yang seimbang antara golongan professional, separa profesional dan ahli ketukangan, selain terdapatnya imbalan yang wajar antara orang-orang yang mempunyai kemahiran dalam bidang sains dan teknologi, sastera dan ilmu-ilmu sosial."*

**(Malaysia Melangkah  
Ke Hadapan, 1991 :21)**

Kementerian Pendidikan telah membuat beberapa perubahan di dalam sistem pendidikan dengan memberikan tumpuan kepada pendidikan sains dan teknologi. Selain daripada aliran sains sebagai pilihan di sekolah menengah atas, aliran vokasional dan teknologi juga telah diperkenalkan di sekolah-sekolah akademik, di samping sekolah-sekolah vokasional dan teknik. Ini bertujuan untuk menghasilkan golongan teknokrat bagi





memenuhi keperluan tenaga kerja di dalam bidang kolar biru dan menambahkan sumber tenaga manusia di dalam bidang sains dan teknologi bagi memenuhi keperluan Wawasan 2020 (Shahril Marzuki, 1992).

Untuk merealisasikan aspirasi ini, program pendidikan terus ditingkatkan untuk melengkapkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang berupaya meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia. Peluang pendidikan di semua peringkat diperluaskan. Pada peringkat menengah, Laporan Kabinet telah membuat perakuan supaya pendidikan selama 9 tahun dilanjutkan hingga ke 11 tahun dan perakuan ini telah dimasukkan ke dalam Akta Pendidikan 1996.

Akta Pendidikan 1996 memberi peluang kepada semua pelajar memperoleh pendidikan selama 11 tahun iaitu 6 tahun pendidikan rendah dan 5 tahun pendidikan menengah. Dasar pendidikan 11 tahun ini memberi lebih peluang kepada pelajar bagi menimba ilmu dan menamatkan persekolahan sehingga ke tingkatan 5. Berasaskan dasar ini, Kementerian Pendidikan telah melonggarkan syarat kemasukan pelajar ke tingkatan 4. Pelaksanaan tersebut telah melayakkan pelajar yang memperolehi minimum 1D berbanding 4D pada tahun-tahun sebelumnya dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) meneruskan pelajaran ke menengah atas. Pada tahun 1997, seramai 327,229 pelajar (98.3%) PMR telah melanjutkan pelajaran ke tingkatan 4. Pada tahun 1998, bilangan ini bertambah kepada 343,464 orang (99.89%). Daripada jumlah ini sebanyak lebih kurang 10% iaitu kira-kira 40,000 orang adalah pelajar berprestasi rendah dari segi akademik dan mereka dijangka menghadapi masalah dalam pembelajaran dan tidak dapat mengikuti pelajaran yang disampaikan oleh guru dengan berkesan ( PPK,KPM, : 1998). Menyedari hakikat ini, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan pelbagai Mata Pelajaran





Vokasional (MPV) berperingkat-peringkat di sekolah menengah akademik harian pada peringkat tingkatan 4 dan 5 mulai tahun 2002. Mata-mata pelajaran ini adalah peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat sekolah menengah rendah. (Jawatankuasa Penyediaan Pelan Induk MPV, KPM, 2003).

Cadangan penawaran MPV (dahulunya digelar “Teknologi Industri” dan kemudian “Kemahiran Asas Industri”) mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 23 Jun 1999 untuk dilaksanakan pada tahun 2002 dan diikuti dengan beberapa siri mesyuarat tertinggi KPM seperti Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (6 & 11 November 2001 & 23 Februari 2001), Mesyuarat Pengurusan Pendidikan (1 November 2000) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (10 Oktober 2000 & 19 Disember 2000). Beberapa siri mesyuarat perancangan dan penyelarasan, bengkel penggubalan kurikulum dan penyediaan bengkel dan perincian peralatan, seminar, kursus taklimat/ceramah telah diadakan sebagai persediaan awal bagi pelancaran pada tahun 2002. Kursus orientasi kepada bakal guru-guru MPV dikendalikan pada tahun 2001 bagi mendedahkan mereka kepada kurikulum baru (Jawatankuasa Penyediaan Pelan Induk MPV, KPM, 2003).

Menurut Saedah Siraj (1999) kurikulum tidak seharusnya dirancang ke arah pendidikan cemerlang semata-mata tetapi juga perlu mengambil kira pelajar-pelajar yang kurang beruntung dan bermasalah. Justeru, bagi membantu kumpulan pelajar ini dapat mengembangkan potensi mereka sepenuhnya, ke arah yang lebih tepat, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan satu program khas yang dikenali sebagai Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah menengah akademik. Program MPV ini telah dilaksanakan mulai tahun 2002.





Program MPV buat ulung kalinya ditawarkan di sekolah menengah akademik mempunyai matlamat dan objektif yang tertentu. Matlamat MPV ini diperkenalkan bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan diperingkat yang lebih tinggi sementara objektifnya pula adalah untuk:

- i. memberi peluang yang luas kepada pelajar memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat mereka
- ii. membekalkan kemahiran vokasional terutamanya kepada pelajar yang cenderung dalam ketukangan tangan
- iii. memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah menengah akademik
- iv. persediaan awal bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam perindustrian negara .



## 1.1 Pernyataan Masalah

Program MPV adalah satu program pendidikan yang bertujuan memberi peluang kepada pelajar yang cenderung ke arah kemahiran untuk memperoleh latihan dalam suatu bidang yang diminati. Melalui program MPV ini pelajar-pelajar dijangkakan dapat mengembangkan bakat dan kecenderungan mereka serta membolehkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan pekerjaan sendiri dan meneruskan latihan ke peringkat yang lebih tinggi.





Di dalam kajian ini, penyelidik akan memfokuskan kajiannya kepada Mata Pelajaran Seni Reka Tanda sebagai mata pelajaran vokasional di sekolah menengah akademik. Bagi mengetahui keberkesanan program MPV khususnya mata pelajaran Seni Reka Tanda, penilaian terhadapnya perlu dijalankan. Keberkesanan program ini boleh dinilai dari perspektif pelajar yang mengikuti program tersebut. Maklum balas daripada pelajar yang terlibat dapat memberi gambaran sejauhmana Seni Reka Tanda sebagai mata pelajaran vokasional di sekolah menengah akademik tercapai. Memandangkan pelajar adalah fokus utama program MPV, mereka yang telah melalui program ini berada dalam kedudukan yang terbaik untuk memberi gambaran tentang kekuatan dan kelemahan program. Sepertimana yang dinyatakan oleh Hart-Landsberg et.al. (1992), Martin & Beach (1992) dan Scribner (1984, 1988), ilmu, sikap atau kebolehan yang perlu di dalam sesuatu pekerjaan dibentuk oleh konteks kerja tersebut dilaksanakan dan hanya difahami oleh individu-individu yang berada dalam persekitaran itu. Justeru, kajian ini cuba meninjau kelebihan dan kelemahan mata pelajaran Seni Reka Tanda sebagai MPV di sekolah menengah akademik dari perspektif pelajar yang telah melalui program ini.

## 1.2 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan pelajar terhadap kelebihan dan kelemahan program MPV khususnya mata pelajaran Seni Reka Tanda dari perspektif pelajar. Melalui kajian ini akan dikenal pasti samada program MPV khususnya Seni Reka Tanda memberi manfaat kepada pelajar. Kajian ini juga cuba mendapat pandangan pelajar tentang kesulitan yang mereka hadapi.



Aspek-aspek yang akan dilihat ialah:

1. Mengenalpasti kemahiran yang dikuasai semasa menjalankan proses pembelajaran mata pelajaran Seni Reka Tanda.
2. Mengenalpasti faedah yang diperolehi dari kemahiran mata pelajaran Seni Reka Tanda.
3. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran mata pelajaran Seni Reka Tanda.

### 1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan di atas, soalan kajian berikut dikemukakan:

1. Apakah kemahiran yang dikuasai semasa menjalankan proses pembelajaran mata pelajaran Seni Reka Tanda?
2. Apakah faedah yang diperolehi dari pembelajaran mata pelajaran Seni Reka Tanda ini?
3. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa menjalankan proses pembelajaran mata pelajaran Seni Reka Tanda?

### 1.4 Rasional Kajian

Program MPV khususnya Seni Reka Tanda adalah program rintis dan belum ada kajian lagi yang dijalankan untuk melihat keberkesanan pelaksanaannya. Pemantauan yang



dibuat oleh pihak penggubal program di 35 buah sekolah projek yang mengambil Seni Reka Tanda sebagai MPV menunjukkan sambutan dan sokongan terhadap program ini pada amnya amat menggalakkan dan kesemua pihak yang terlibat merasakan ianya mendatangkan manfaat kepada pelajar dan patut diteruskan Pihak-pihak yang terlibat khasnya pihak penggubal mengharapkan pelajar yang telah mengikuti program MPV khususnya Seni Reka Tanda dapat memperoleh pengalaman dan kemahiran dalam bidang industri pengiklanan dan seterusnya dapat mendalami bidang tersebut dengan melanjutkan pengetahuan dan kemahiran ke institusi pendidikan yang lebih tinggi. Walaubagaimana pun dari perspektif pelajar yang terlibat pula, adakah program ini khususnya Seni Reka Tanda memberi faedah kepada mereka dan bolehkah mereka memanfaatkan kemahiran yang diperolehi? Kajian ini memberi peluang kepada pelajar memberi pandangan dan maklumat tentang pengalaman dan manfaat yang diperolehi semasa mengikuti program MPV khususnya Seni Reka Tanda. Maklumat ini amat berguna bagi pihak-pihak yang terlibat menyemak semula dan membuat penyesuaian terhadap strategi pelaksanaan yang lebih berkesan.

## 1.5 Signifikan Kajian

Hasil kajian akan dapat:

- i. memberi gambaran tentang pengalaman yang diperolehi pelajar dari program MPV khususnya Seni Reka Tanda



- ii. memberi maklum balas kepada pihak sekolah tentang kekuatan dan kelemahan program yang perlu diberi perhatian dan diperbaiki berhubung pengajaran dan pembelajaran Seni Reka Tanda
- iii. membantu penggubal kurikulum dalam menyelaraskan dan mengkaji semula program MPV khususnya Seni Reka Tanda.

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada mata pelajaran Seni Reka Tanda sebagai MPV di sekolah menengah akademik dan menjurus kepada perspektif pelajar sahaja. Kajian dibataskan kepada empat buah sekolah menengah kebangsaan di negeri Perak Darul Ridzuan yang terletak di Daerah Larut, Daerah Kuala Kangsar, Daerah Parit dan Daerah Kinta. Penyelidik memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Chemor, Daerah Kinta, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Iskandar, Bota, Daerah Parit, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Menteri, Cangkat Jering, Daerah Larut dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tajul Ariffin, Manong, Daerah Kuala Kangsar. Keempat-empat buah sekolah ini dipilih kerana dikenal pasti antara sekolah-sekolah yang aktif menjalankan program MPV Seni Reka Tanda. Tambahan pula Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Iskandar, Bota dan Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Chemor adalah merupakan sekolah yang disyorkan oleh pihak PPK untuk dijalankan kajian oleh penyelidik berdasarkan prestasi dan kecemerlangan mereka menjalankan Program MPV Seni Reka Tanda ini.

Dalam kajian ini penyelidik akan mengambil pelajar yang terlibat dengan program MPV sahaja sebagai sampel. Pelajar yang dilibatkan dalam kajian ini hanyalah mereka yang berada di tingkatan 5 MPV Seni Reka Tanda sahaja kerana mengambil kira tempoh pengalaman dua tahun mengikuti program tersebut. Kajian ini melibatkan temubual berstruktur, sebagai asas kajian. Bilangan sampel yang digunakan adalah 20 orang pelajar yang dipilih secara rawak. Oleh itu dapatan yang akan diperolehi mungkin tidak menyeluruh dan tidak sesuai untuk digeneralisasikan kepada program MPV di sekolah lain secara keseluruhannya.

## 1.7 Definisi Istilah

Dalam konteks kajian, beberapa istilah atau perkataan yang membawa makna khusus ditakrifkan seperti berikut:

### Penilaian

Perihal atau perbuatan menilai, pentaksiran (Kamus Dewan Edisi ke 3, 1996).

### Mata Pelajaran Vokasional (MPV)

Mata Pelajaran Vokasional (MPV) ialah satu mata pelajaran amali yang berteraskan teknologi yang diperkenalkan di sekolah menengah akademik dengan tujuan untuk melahirkan murid yang berkemahiran dan kreatif dalam bidang industri tertentu.



Adalah diharapkan melalui pelaksanaan MPV, sekolah dapat membekalkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam alam pekerjaan.

### **Seni Reka Tanda (SRT)**

Seni Reka Tanda ialah satu daripada mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah akademik. Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran yang lebih menitik beratkan aspek kemahiran dan digubal bagi memberi pendedahan asas kepada murid-murid yang ingin mendalami bidang grafik, membuat papan tanda, reka bentuk papan iklan dan komputer grafik.

(PPK, 2002)

### **Program Sekolah Ke Kerjaya (SKK)**

Program SKK ialah satu program pendidikan dan latihan di tempat kerja bagi mengembangkan potensi pelajar dengan membekalkan mereka pengetahuan dan kemahiran bolehguna.

### **Modul Pembelajaran Seni Reka Tanda**

Modul pembelajaran Seni Reka Tanda adalah merupakan satu kaedah bagi murid untuk menguasai tahap kemahiran dalam setiap unit pembelajaran secara sendiri sementara guru pula berperanan sebagai fasilitator. 10 modul telah dihasilkan bagi mata pelajaran ini untuk dikuasai oleh pelajar dalam tempoh dua tahun pembelajaran di tingkatan 4 dan tingkatan 5.





## **Pencapaian Standard**

Pencapaian Standard adalah merupakan senarai kemahiran yang perlu dicapai oleh murid secara terperinci. Ia merupakan pengukur untuk menentukan keterampilan seseorang murid dalam menguasai kemahiran bagi setiap modul.

## **Langkah Kerja**

Langkah kerja adalah senarai panduan yang menerangkan prosedur kerja yang akan dilakukan oleh murid.

## **Pelajar Berpencapaian Rendah**

Pelajar berpencapaian rendah ialah pelajar yang mendapat 4D ke bawah dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

